



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 4 JULAI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	COVID-19 HAS TAUGH MALAYSIA TO RAISE MEAT SELF-SUFFICIENCY LEVEL, THE EDGE MARKET -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	JAMIN KUALITI, KESELAMATN PERTANIAN, SH -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	NILAI SEMULA PROJEK PPM, HM -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	LOOKING TO INCREASE MARKET FOR LOCAL BEEF TO 30 PCT WITHIN 5 YEARS, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -CS	
5.	PENGELUARAN DAGING TUMPUAN UTAMA, NASIONAL, SH -7	
6.	TWO FOREIGN FISHING BOATS DETAINED FOR ENCROACHING INTO SABAH WATERS, HOME, BORNEO POST (KK) -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	INDUSTRI NANAS TERUS DIPERKASA, NASIONAL, SH -6	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
8.	KPF MENGORAK LANGKAH KE ARAH GLOBAL GAP TEMBUSI PASARAN EROPAH, NASIONAL, SH -6	
9.	INDUSTRI NANAS DIPERKASA, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -28	
10.	KPF SASAR EKSPORT NANAS MD2 KE PASARAN EROPAH, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -34	
11.	PINEAPPLE INDUSTRY TO RECEIVE A BOOST FROM YOUNG AGROPRENEURS' INVOLVEMENT, BORNEO BULETIN -ONLINE	
12.	KULIM PINEAPPLE FARM EYES EUROPEAN MARKET, BUSINESS, BORNEO POST (KUCHING) -A2	
13.	AGROBANK TERUS BANTU USAHAWAN PKS DI SARAWAK, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -28	AGROBANK

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2020	THE EDGE MARKET	ONLINE	

## COVID-19 has taught Malaysia to raise meat self-sufficiency level



KLUANG (July 3): The COVID-19 pandemic that has paralysed nearly every industry in the world has taught Malaysia to work hard to raise the level of self-sufficiency in local meat production.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said such hard work is necessary as Malaysia still relies heavily on other countries such as Australia, India and Brazil to supply meat and dairy to the local market.

"So at the Ministry level, we are thinking of the best way to increase our self-sufficiency level (SSL) in order to raise the production of livestock for local consumption.

"To achieve this, we have set up the Cabinet Committee on Food Security comprising industry players, and appointing 12 advisers (the National Agriculture Advisory Council) to hear the industry's recommendations and proposals on livestock as well as meat and dairy production," he told reporters after visiting the Kluang Modern Agriculture Project (PPM) here today.

He said the Kluang PPM is a large-scale project that runs integrated agricultural activities under the direct supervision of the Ministry of Agriculture and Food Industry (MOA).

"It has been developed since 2004 with a total area of 9,027 acres (3,653 hectares) and to date, 27 participants have been engaged in various agricultural activities including crops, aquaculture and agro-tourism," he said.

Kiang said from 2016 to 2019, the PPM's average total production was RM78.19 million, below the target of RM100 million in production per annum.

To ensure the project achieves its goals, he said the Ministry would re-evaluate PPM to ensure it remained relevant in line with the latest technological developments in the agriculture sector.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Jamin kualiti, keselamatan pertanian



Ronald (kiri) melihat hasil pertanian yang dipamerkan di showroom IPM dekat Pasir Gudang semalam.

PASIR GUDANG - Kira-kira RM10 juta diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk menggalakkan program Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) bagi mendapatkan hasil pertanian yang berkualiti dan terjamin keselamatannya.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, jumlah itu lebih daripada RM2.5 juta yang diperuntukkan dalam RMK11 (2016-2020) melibatkan 2,215 petani di seluruh negara dengan keluasan tanah 10,000 hektar.

Menurutnya, usaha itu dilaksanakan melalui sistem IPM bagi melindungi hasil industri pertanian negara daripada serangan perosak dan pencemaran sisa racun.

"Ia akan dapat meningkatkan keyakinan negara-negara pengimport hasil pertanian di Malaysia yang terjamin kualiti dan keselamatannya. Sistem IPM akan terus dipromosi pelaksanaannya dalam kalangan pengusaha dan pengeluar bahan pertanian tempatan.

"Berdasarkan laporan Jabatan Pertanian pada tahun 2018 dan 2019, Malaysia menerima 800 notifikasi dari Singapura, Jepun, Jerman dan Taiwan setiap tahun berkaitan sisa residu racun perosak yang melebihi paras dibenarkan.

"Ia memberi gambaran negatif tentang jaminan keselamatan dan kualiti hasil pertanian Malaysia kepada negara pengimport dan pasaran tempatan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali; Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Zainal Azman Abu Seman dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Mohd Nasir Waris.



Ronald (kiri) meninjau tanaman kelapa yang dijadikan kajian keberkesanan IPM sempena Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, Pasir Gudang semalam.

Sementara itu, Ronald berkata, sistem IPM juga akan memastikan angka notifikasi produk pertanian Malaysia pada masa akan datang dapat dikurangkan, selain kualiti dan jaminan keselamatan untuk keperluan eksport ke pasaran antarabangsa ditingkatkan.

Menurutnya, pendekatan IPM secara tidak langsung dapat mengurangkan penggunaan racun kimia dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

"Antara lima amalan IPM yang digunakan di Malaysia secara komersial adalah perangkap berupa pelekat warna kuning dan biru untuk menarik serangga

perosak.

"Racun perosak biologi dan repelan yang diekstrak daripada tanaman atau buah-buahan semula jadi, antaranya daun neem, bawang putih dan minyak kayu putih turut digunakan," katanya.

Beliau berkata, ia termasuk penggunaan kulat metarhizium dan perangkap organik bagi kawalan kumbang tanduk untuk tanaman kelapa.

Begitu juga, katanya, penggunaan bakteria *Bacillus thuringiensis* bagi mengawal kupu-kupu *Plutella xylostella* di tanaman sayur daun seperti kobis.

"Penggunaan kulat *Trichoderma* sp dan bakteria *Bacillus subtilis* adalah untuk mengawal penyakit akar tanaman buah-buahan dan sayuran. IPM juga menggunakan serangga *Coenosia exigua* sebagai agen kawalan biologi bagi mengawal ulat pelombong daun pada tanaman sayuran," katanya.

Selain itu, Ronald berkata, kesan yang paling utama disasarkan kerajaan menerusi sistem IPM adalah rakyat dapat menikmati hasil pertanian di pasaran tempatan yang selamat untuk dimakan dan berkualiti kerana bebas daripada pencemaran racun berbahaya.

Rugi RM10 bilion tanaman diserang perosak

Sejak lima tahun kebelakangan ini, tanaman di Malaysia diserang pelbagai jenis perosak invasif yang menyebabkan kerugian hampir RM10 bilion.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, tiga perosak utama adalah kumbang merah palma pada tanaman kelapa, hawar bulir bakteria pada tanaman padi dan ulat ratus pada tanaman jagung.

"Perosak ini bukan sahaja menjejaskan hasil tanaman dan perdagangan, malah kerajaan telah membelanjakan lebih RM5 juta dalam tempoh tersebut untuk aktiviti kawalan dan pemusnahan perosak di seluruh Malaysia.



Ronald (dua dari kiri) melawat gerai-gerai pameran sempena Program Walkabout dan Perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, Pasir Gudang semalam.

"Dalam suasana ekonomi dunia kini terjejas akibat wabak coronavirus (Covid-19), kita pastinya tidak mahu kerugian hasil pertanian disebabkan ketidak boleh pasaran atau kemusnahan hasil pertanian akibat serangan perosak memburukkan lagi keadaan," katanya pada Program Walkabout dan Perasmian Showroom Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) di Taman Pertanian Johor di sini semalam.

Menurutnya, kementerian menerusi Jabatan Pertanian yang menjalankan fungsi sebagai Organisasi Perlindungan Tumbuhan Kebangsaan berusaha memastikan pelaksanaan biosekuriti tanaman dan tumbuhan menjadi keutamaan dalam memacu usaha ke arah pertanian mampan.

Sementara itu, beliau berkata, Taman Pertanian Johor menjadi rujukan usahawan tani, pengeksport, pelajar dan masyarakat kerana menjadi perintis sistem IPM sejak tahun 2019 di kawasan seluas 42 hektar dengan nilai RM100,000 yang melibatkan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan.

Menurutnya, tujuan utama program tersebut adalah untuk hebahkan kepada masyarakat tempatan dan luar negara mengenai kepentingan IPM dalam pengeluaran hasil pertanian yang selamat dimakan dan dapat meningkatkan keyakinan pengimport tentang kualiti produk pertanian Malaysia.

"Pengamalan IPM turut menyokong pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan menjadi syarat utama kelulusan mengeksport buah-buahan ke China, Jepun, Australia serta Amerika Syarikat," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

## Nilai semula projek PPM



RONALD (kanan) diberikan penerangan oleh Raghu Raman ketika lawatan kerja ke ladang Projek Pertanian Moden (PPM) di Jalan Kluang - Mersing di Kluang. FOTO ADNAN IBRAHIM

**Adnan Ibrahim**  
*am@hmetro.com.my*

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan akan membuat penilaian semula Projek Pertanian Moden (PPM) bagi memastikan ia kekal relevan seiring dengan perkembangan teknologi terkini sektor pertanian.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, objektif penubuhan PPM adalah sebagai model projek pertanian yang bukan sahaja berupaya membantu meningkatkan pengeluaran makanan negara

tetapi juga menjadi perintis serta contoh kepada pengamalan pertanian secara baik dan moden dengan penggunaan teknologi tinggi dan terkini.

Katanya, sehingga kini seramai 27 peserta sedang menjalankan pelbagai aktiviti pertanian termasuk tanaman, ternakan, perikanan akuakultur dan agro pelancongan melalui penubuhan projek berkeluasan 3,653 hektar di Ayer Hitam dan Padang Hijau, Kluang.

"Dari 2016 sehingga 2019, purata jumlah pengeluaran PPM adalah sebanyak RM78.19 juta iaitu di bawah sasaran yang ditetapkan sebanyak RM100 juta nilai pengeluaran setahun.

"Untuk itu, pihak kementerian akan membuat penilaian semula terhadap projek ini bagi memastikan projek ini kekal relevan," katanya.

Ronald berkata demikian kepada media selepas lawatan kerja ke ladang Projek Pertanian Moden (PPM) di Jalan Kluang-Mersing, Kluang, hari ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan veterinar Malaysia, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor dan Ketua Pengarah Eksekutif, DK Ternak Sdn Bhd, Datuk Raghu Raman Pillai.

Menurut Ronald, pembabitan setiap jabatan dan agensi serta syarikat secara serius amat penting bagi membangunkan PPM dan memastikan matlamat sebenar projek nasional itu dicapai.

"Ia juga secara tidak langsung membangunkan sub-sektor agro pelancongan supaya dapat menambah pendapatan negara untuk menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Selain itu, ia juga mewujudkan peluang perniagaan kepada penduduk tempatan di sekitar Kluang dan Ayer Hitam serta Negeri Johor amnya," katanya.

#kw PPM, pertanian, Ronald Kiandee, Kluang



Headline	Looking to increase market for local beef to 30 pct within 5 years		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	04 Jul 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,804
Page No	C5	Readership	59,412
Language	Chinese	ArticleSize	395 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,386
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,158



## 提升本地牛肉應市 探討5年内增至30%

（居鑾3日訊）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，该部门计划成立以12人为首的諮詢小组，探讨牛肉供应课题，预计在5年内全面提升国内牛肉供应市场，从22%增加至30%。

他说，目前我国主要依赖外国供应牛肉货源，78%是来自外国进口。

“例如，从印度进口水牛肉和牛肉，以及从澳洲和纽西兰进口牛肉。”

他说，进口牛肉价格一般都比本地牛肉高，如果本地牛肉供应量获得提升，本地各阶层人民将可购买到更便宜牛肉。

罗南建迪今日巡视居鑾现代农业计划旗下养牛场后指出，新冠肺炎（2019冠状病毒疾病）疫情导致进口牛肉受阻碍和限制，让农业及食品工业部门探讨如何采取有效策略，增加国内牛肉生产量。

他也提及现代农业计划的成立，成功传达农业和畜牧养殖技术和知识给农民、渔民及畜牧者，增加农产量供应国内蔬菜和



← 罗南建迪（右2）巡视居鑾现代农业计划旗下的养牛场。

↓ 农业及食品工业部探讨牛肉供应课题，预计在5年内提升国内牛肉供应市场至30%。

各肉类需求。

“据我所知，现代农业计划在2015年至2019年，成功生产总值7亿8190万令吉的农产品，超出预计生产总值的1亿令吉生产量。”

另一方面，居鑾现代农业计划旗下养牛场，目前有约1850头牛和2500头羊，并会在今年底继续增加繁殖的牛羊数量。



# Pengeluaran daging tumpuan utama

Kementerian tubuh Jawatankuasa Kabinet Jaminan Makanan, cadang tingkat produktiviti

Oleh NOR AZURA MD AMIN

KLUANG

Industri pengeluaran daging menjadi tumpuan utama dalam mencapai jaminan keperluan makanan negara sekaligus mampu menjana pendapatan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, kementerian bercadang meningkatkan pengeluaran daging negara dengan meningkatkan produktiviti termasuk mengambil kira pandangan daripada golongan penternak dan pemain industri.



Lembu yang diternak di ladang PPM Jalan Kluang-Mersing.

Beliau berkata, bagi tujuan itu sebuah Jawatankuasa Kabinet Jaminan Makanan ditubuhkan bagi memastikan tahap pengeluaran daging negara mencukupi untuk pasaran tempatan.

Katanya, langkah itu perlu dilakukan memandangkan bekalan daging negara banyak diimport dari luar negara antara-

nya India, Australia dan Brazil.

"Di peringkat kementerian, kita sedang memikirkan cara terbaik untuk meningkatkan pengeluaran daging negara menerusi ternakan lembu daging bagi memenuhi pasaran tempatan.

"Bagi memastikan perkara ini dapat dicapai, Jawatankuasa Kabinet Jaminan Makanan ditubuhkan di peringkat kementerian yang dianggotai 12 penasihat dan juga pemain industri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena lawatan kerja ke ladang Projek Pertanian Moden (PPM) Jalan Kluang-Mersing di sini semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor dan Ketua Pengarah Eksekutif DK Ternak Sdn Bhd, Datuk



Ronald (kanan) melihat lembu yang diternak di ladang PPM Jalan Kluang-Mersing.



Ronald (tiga dari kiri) melihat proses menimbang tembu ketika lawatan kerja ke ladang PPM Jalan Kluang-Mersing semalam.

Raghu Raman Pillai.

Ronald berkata, lawatan ke ladang PPM Jalan Kluang-Mersing bertujuan melihat perkembangan terkini projek pertanian tersebut selepas dibangunkan sejak 16 tahun lepas.

Katanya, ladang PPM di Jalan Kluang-Mersing telah dibangunkan sejak tahun 2004 dengan keluasan 9,027 ekar merangkumi aktiviti tanaman, ternakan, perikanan dan agro pelancongan.

Beliau berkata, secara amnya, ladang PPM dibangunkan untuk menjadi satu model projek pertanian yang bukan sahaja berupaya membantu dalam meningkatkan pengeluaran makanan negara tetapi juga menjadi perintis dan contoh kepada pengamalan pertanian

secara baik dan moden dengan penggunaan teknologi tinggi dan terkini.

"Pada tahun 2016 sehingga 2019, purata jumlah pengeluaran di ladang PPM adalah sebanyak RM78.19 juta iaitu di bawah sasaran yang ditetapkan sebanyak RM100 juta nilai pengeluaran setahun.

"Penglribatan setiap jabatan dan agensi serta syarikat secara serius amat penting bagi membangunkan ladang PPM dan memastikan matlamat sebenar projek nasional ini dicapai," kata beliau.

Ronald berkata, kementeriannya akan membuat penilaian semula terhadap ladang PPM bagi memastikan projek itu kekal relevan seiring dengan perkembangan teknologi terkini dalam sektor pertanian.



Proses memberi makan kepada lembu ternakan menggunakan jentera khas di ladang PPM Jalan Kluang-Mersing.

## Terap inovasi dalam pengeluaran produk

**BATU PAHAT** - Inovasi teknologi dalam pemrosesan makanan sewajarnya digunakan usahawan dalam meningkatkan pengeluaran produk bagi memenuhi permintaan pasaran.

Menerusi lawatan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande ke Parit Sulong semalam, penggunaan teknologi *Low Temperature Vacuum Drying* yang pertama di Malaysia dapat dilihat digunakan Syarikat Kia Shing Importers & Exporters.

Pengarah Syarikat Kia Shing Importers & Exporters, Alvin Lo berkata, penggunaan teknologi tersebut menghasilkan buah kering yang dapat mengekalkan khasiat buah dan

mengelak buah menjadi busuk.

"Antara produk yang dihasilkan di sini ialah durian kering, kelapa kering, betik kering, pisang kering, nenas kering dan tembikai kering," katanya.

Sebelum itu Ronald menghabiskan masa kira-kira satu jam untuk melihat operasi syarikat terbabit.

Alvin berkata, buah-buahan kering mendapat permintaan tinggi daripada negara jiran Singapura.

"Syarikat kami sedang bekerjasama dengan kementerian bagi membolehkan produk kami dieksport ke Jepun, China, negara Timur Tengah dan Eropah," katanya.



Ronald (tengah) melihat proses buah yang dijadikan produk buah kering di Syarikat Kia Shing Importers & Exporters, Parit Sulong semalam.



Headline	Two foreign fishing boats detained for encroaching into Sabah waters		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	04 Jul 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	106 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 296
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 887



## Two foreign fishing boats detained for encroaching into Sabah waters

**KOTA KINABALU:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) detained two foreign fishing boats with 20 crews and two skippers believed to be Vietnamese encroaching and stealing marine resources in Sabah waters, on Wednesday.

Sabah and Labuan MMEA director First Admiral Maritime Mohd Rosli Abdullah said the two fishing boats were spotted fishing, using the tunda ganding method, during an operation code-named Ops Naga Timur, about 30 nautical miles from Pulau Mengalum.

He said when the Maritime boats attempted to approach the foreign fishermen's boats, they cut off the nets, before attempting to escape and refused to cooperate when ordered to stop.

But maritime officials took 30 minutes to pursue the boats and they eventually complied, after being followed and forced to stop.

Upon approaching the first foreign fishing boat at 5.47 pm,

at 29 nautical miles off Pulau Mengalum, an inspection found the registration certificate of the boat had expired and four of the Vietnamese crew and skipper, aged between 18 and 42 years, did not have any valid identification documents," he said in a statement here yesterday.

The second boat was detained at 32 nautical miles west of Pulau Mengalum Island at 6.15 pm, and an inspection found that the boat's registration had also expired and did not have any licence or permission from the Fisheries Department to carry out fishing activities in Malaysian waters.

"All 16 crew and one skipper, all Vietnamese, aged between 28 and 48, were arrested," he added.

Mohd Rosli said the two foreign fishing boats were suspected of trespassing under the Fisheries Act 1985 and the Immigration Act 1959/63. Both the boats were later towed to the Sepanggar Maritime Jetty. - Bernama



# Industri nanas terus diperkasa

Pelbagai program dilaksanakan untuk melahirkan lebih ramai agropreneur muda

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Industri pengeluaran nanas negara terus diperkasa menerusi usaha menarik lebih ramai agropreneur muda terlibat dalam penanaman nanas yang kini dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) memainkan peranan dalam melaksanakan program tanaman melibatkan golongan muda yang juga pemangkin kepada sektor pertanian negara.

Menurutnya, antara program LPNM yang berjaya menarik minat golongan muda ialah Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) yang diba-

ngunkan di Tanah Abang Mersing, Stesen Nanas Alor Bukit Pontian dan Stesen Nanas Sungai Tong Terengganu.

"Sekiranya kita ingin melihat anak-anak muda sama ada lepasan sekolah atau lepasan universiti yang berminat dalam bidang pertanian, penanaman nanas adalah paling sesuai diceburi.

"Kerajaan menyediakan dana di bawah program agropreneur muda melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional dan pinjaman mikro Kredit yang dikendalikan di bawah Agrobank," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri taklimat industri nanas di ibu pejabat LPNM di Wisma Nanas di sini kelmarin.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Zainal Azman Abu Seman; Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali; Pengerusi LPNM, Datuk Dr Sahrudin Jamal dan Ketua Pengarah LPNM, Ru-



Ronald (duduk, dua dari kiri) menanam nanas sebagai simbolik perasmian Melita Hut.

haida Mashhor.

Ronald berkata, Johor merupakan negeri terbesar tanaman nanas iaitu seluas 9,700 hektar dan merupakan perintis kepada penanaman nanas varieti MD2 di negara ini.

Katanya, keluasan tanaman nanas itu merangkumi 58 peratus bagi keseluruhan kawasan tanaman nanas negara seluas 16,650 hektar.

"Eksport pengeluaran nanas negara pada tahun lepas

sebanyak RM491 juta, meningkat sebanyak 60 peratus daripada RM343 juta pada tahun 2018.

"Malaysia dalam kedudukan ke-19 dunia dari segi pengeluaran buah nanas. Antara negara utama yang dieksport adalah Singapura, Mesir, UAE, China, Jepun dan Arab Saudi," katanya.

Beliau berkata, apabila melihat pandemik coronavirus (Covid-19) yang hampir reda,

kementerian menjangkakan eksport produk bahan makanan meningkat berikutan import mahupun eksport bahan makanan itu tidak menunjukkan perubahan yang ketara.

Atas dasar keprihatinan kerajaan, katanya, peruntukan tambahan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) sebanyak RM13.6 juta telah disalurkan kepada LPNM bagi merangsang pertumbuhan sektor industri nanas di sepanjang rantaian nilai terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil.

Pada program jelajah mesra kelmarin, Ronald turut melawat Kulim Pineapple Farm (KPF) di Ulu Tiram bagi melihat aktiviti yang dijalankan iaitu penanaman, pemasaran, pengeksportan dan pembangunan industri hiliran nanas.

Ketika lawatannya, Ronald turut menyaksikan aktiviti membaja nanas menggunakan boom sprayer di ladang berkenaan.

Beliau juga menanam nanas MD2 sebagai simbolik lawatan, merasmikan kios Melita Hut dan menyaksikan proses pengumpulan nanas.



Aktiviti membaja nanas menggunakan boom sprayer di Kulim Pineapple Farm, Ulu Tiram.



Ronald (kiri) melihat proses pembungkusan nanas di Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan KPF.

## KPF mengorak langkah ke arah global gap tembusi pasaran Eropah

KPF mengeksport sebanyak 122 tan nanas varieti MD2 di tiga negara setakat awal Januari tahun ini sehingga Mac lepas.

Pengurus Besar KPF, Mohamad Yami Bakar berkata, eksport ke negara China, Jepun dan Turki itu melibatkan tujuh kontena.

Katanya, KPF kini mengorak

langkah ke arah global gap bagi menembusi pasaran Eropah pada masa akan datang.

Menurutnya, pada masa sama KPF juga dijangka mengeluarkan sebanyak 5,800 tan buah nanas segar pada tahun ini.

"KPF muncul antara pengeluar terbesar nanas segar MD2 di Malay-

sia dan pada tahun ini dijangka akan mengeluarkan sebanyak 5,800 tan buah segar," katanya.

Mohamad Yami berkata, KPF juga komited dalam meningkatkan pengeluarannya menerusi program penanaman minimum seluas lima hingga tujuh hektar setiap bulan yang telah bermula sejak awal tahun lepas.

Katanya, program berkenaan dijangka dapat menambah pengeluaran secara konsisten pada masa hadapan.

"Sehingga kini, terdapat 887 ekar tanaman nanas MD2 telah diusahakan secara komersial oleh KPF di Ulu Tiram dan Tanah Abang dekat Mersing," katanya.

Headline	Industri nanas diperkasa		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Jul 2020	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	28	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	143 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 851
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,553



# Industri nanas diperkasa

**JOHOR BAHRU:** Industri pengeluaran nanas negara akan terus diperkasakan dengan menarik lebih ramai usahawan agro muda untuk terlibat dalam pertanian nanas yang dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kementerian dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah memainkan peranan dalam melaksanakan program tanaman melibatkan golongan berkenaan.

Katanya mereka merupakan pemangkin kepada sektor pertanian negara seperti Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) yang dilihat mampu menjana ekonomi dan pendapatan lebih baik kepada pekebun dan pengusaha.

"Oleh itu, kita ingin melihat anak-anak muda sama ada lepasan sekolah atau lepasan universiti yang berminat dalam bidang pertanian boleh menceburi penanaman nanas ini.

"Kerajaan menyediakan dana di bawah program usa-

hawan agro muda, pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional dan pinjaman mikro kredit yang dikendalikan oleh Agrobank," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri taklimat industri nanas di ibu pejabat LPNM di Wisma Nanas di sini hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah, Ketua Setiausaha kementerian Datuk Zainal Azman Abu Seman dan Pengerusi LPNM, Datuk Dr. Sahrudin Jamal.

Pada tahun lepas, eksport produk nanas negara meningkat 60 peratus kepada RM491 juta berbanding RM343 juta pada tahun sebelumnya.

"Di peringkat dunia, Malaysia berada di kedudukan ke-19 untuk pengeluaran buah nanas, manakala Johor adalah negeri terbesar untuk tanaman nanas (9,700 hektar) yang juga perintis kepada penanaman MD2 di Malaysia," katanya.

— Bernama



Headline	KPF sasar eksport nanas MD2 ke pasaran Eropah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Jul 2020	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	34	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	290 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,702
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,107



# KPF sasar eksport nanas MD2 ke pasaran Eropah

**JOHOR BAHRU:** Kulim Pineapple Farm (KPF) menyasarkan untuk mengeksport nanas MD2 ke pasaran Eropah pada tahun ini.

Pengurus Besar KPF Mohamad Yami Bakar berkata, sebanyak 122 tan nanas MD2 melibatkan tujuh kontena telah dieksport ke negara China, Jepun dan Turki dari Januari hingga Mac lepas.

Katanya, KPF dijangka mengeluarkan sebanyak 5,800 tan nanas segar pada tahun ini.

"Sebanyak 50 peratus daripadanya untuk pasaran tempatan, 30 peratus pasaran eksport manakala 20 peratus melalui proses pengeluar peralatan tulen (OEM)," katanya ketika berucap di Ladang Pusat Pengumpulan dan Eksport KPF di Ulu Tiram, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan Timbalan Menterinya, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Mohamad Yami berkata, KPF komited untuk meningkatkan pengeluarannya melalui program penanaman nanas minimum lima hingga tujuh hektar sebulan yang telah bermula sejak awal tahun lepas.

Katanya, program itu dijangka dapat menambah pengeluaran nanas secara konsisten pada masa depan.

Setakat ini, terdapat sebanyak 354.8 hektar tanaman nanas MD2 telah di-



**KULIM PINEAPPLE FARM**

usahakan secara komersial oleh KPF di Ulu Tiram dan Tanah Abang dekat Mersing.

Terdahulu, Kiandee menyaksikan aktiviti membaja nanas menggunakan

Boom Sprayer di ladang tersebut.

Beliau turut menanam nanas sebagai gimik perasmian, melawat Melita Hut dan menyaksikan proses pengumpulan nanas. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/7/2020	BORNEO BULETIN	ONLINE	

## Pineapple industry to receive a boost from young agropreneurs' involvement



companies.

JOHOR BAHRU (BERNAMA) – Malaysia's pineapple industry will continue to be strengthened through efforts to increase the involvement of young agropreneurs in growing the fruit, which has been categorised as the country's new source of wealth.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said his ministry and the Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM) were playing their role in implementing planting programmes for the group.

He said they represented a catalyst for the country's agriculture sector, such as through the Sustainable Pineapple Cluster (KNAL) project, which could drive the economy and better income for both farmers and

"We want to see youths, whether school or university graduates, who are keen on the agriculture field to be involved in pineapple cultivation. "The government is providing funding through TEKUN Nasional loans under the Young Agropreneur Programme as well as Agrobank's micro credit financing scheme," he told reporters after attending a pineapple industry briefing at LPNM's head office yesterday.

Also present were Deputy Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah, the ministry's Secretary-General Datuk Zainal Azman Abu Seman and LPNM chairman Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Last year, Malaysia boosted its pineapple product exports by 60 per cent to RM491 million from RM343 million in 2018.

"Globally, Malaysia ranks 19<sup>th</sup> in pineapple production, while Johor is the country's top pineapple-growing state (9,700 hectares) which is also pioneering the planting of MD2 variety," Kiandee said.



Headline	Kulim Pineapple Farm eyes European market		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	04 Jul 2020	Color	Full Color
Section	Business	Circulation	60,767
Page No	A2	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	181 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,468
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,405



## Kulim Pineapple Farm eyes European market

**JOHOR BAHRU:** Kulim Pineapple Farm (KPF), which comes under Kulim (M) Bhd, plans to penetrate the European market this year.

It was currently in discussion to export to Germany and in the process of obtaining the GLOBALGAP certification for good agricultural practices, KPF general manager Mohamad Yami Bakar told Bernama.

In the first three months of this year, KPF exported 122 tonnes of the MD2 pineapples to three countries -- China, Japan and Turkey -- involving seven containers.

Mohamad Yami said KPF targeted to produce 5,800 tonnes of fresh pineapples this year.

"Fifty per cent of the fruits will be for the domestic market and 30 per cent would be for export, while 20 per cent would undergo an original equipment

manufacturing (OEM) process (such as to produce juice)," he said at the KPF Collection, Processing and Packaging Centre in Ulu Tiram.

This was in conjunction with a visit from Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Roland Kiandee and his deputy Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Mohamad Yami said KPF was committed to increase its production through a programme to plant a minimum of five to seven hectares monthly which began early last year.

To-date, it has commercially cultivated 359 hectares (887 acres) of MD2 pineapples in Ulu Tiram and Tanah Abang near Mersing.

Earlier, Kiandee witnessed pineapple fertilisation activity using the boom sprayer at the farm. — Bernama



Roland signs a plaque to officiate the opening of the KPF Collection, Processing and Packaging Centre in Ulu Tiram. — Bernama photo

Headline	Agrobank terus bantu usahawan PKS di Sarawak		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	04 Jul 2020	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	28	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	413 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,458
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,373



# Agrobank terus bantu usahawan PKS di Sarawak

**KUALA LUMPUR:** Agrobank akan terus berusaha membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Sarawak selain memastikan mereka dapat menjana pendapatan lebih baik khususnya ketika pasaran global dan tempatan terjejas teruk berikutan pandemik Covid-19.

Menerusi kenyataan bank itu semalam, Penanggung Tugasan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, 70 peratus cawangan bank pembangunan pertanian itu terletak di kawasan luar bandar.

Beliau berkata, ini sekali gus memudahkan komunikasi dan perundingan di antara pengusaha PKS dengan pegawai Agrobank mengenai perniagaan dan penguasaan aliran tunai.

"Ini adalah sebahagian inisiatif kami untuk memastikan lebih banyak pelanggan terus berjaya dalam perniagaan

tanah mereka," katanya. Menurut kenyataan itu, Khadijah berkata demikian semasa sesi kedua bertajuk 'Covid-19 - Pemulihan dan Pemerkasaan Perniagaan PKS' di Dialog SME Sarawak yang bersiaran di laman media sosial rasmi Agrobank baru-baru ini sempena Bulan PKS Agrobank.

Antara ahli panel dalam sesi itu ialah Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Menteri Muda Perdagangan Antarabangsa dan Industri Sarawak, Datuk Mohd Naroden Majais, Felo Akademi Sains Malaysia, Dr. Madeline Berma, dan Pengasas GrasiCili, Munir Ashim Abdullah.

Khadijah berkata, Agrobank menyambut baik pengumuman Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkenaan Dana Skim Kredit Mikro bernilai RM350 juta

sebagai bantuan kepada usahawan tani yang terjejas berikutan Covid-19.

"Suntikan dana ini diharapkan dapat membantu usahawan PKS sekali gus memberi ruang kepada mereka untuk lebih merancang pelan strategik perniagaan sepanjang tempoh moratorium ini.

"Diharapkan agar PKS mampu mengembangkan perniagaan mereka bukan sahaja pada tahap mampu sara diri malah ke arah perniagaan korporat. Ini pastinya sentiasa menjadi aspirasi kami di Agrobank dalam memastikan kejayaan usahawan kami," katanya.

Datuk Amar Awang Tengah pula berkata, di Sarawak, kerajaan telah melaksanakan tiga pakej bantuan khas 'Sarawakku Sayang' bagi 28 jenis bantuan termasuk kepada PKS dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM2.55 bilion.

**"Di Sarawak, kerajaan telah melaksanakan tiga pakej bantuan khas 'Sarawakku Sayang' bagi 28 jenis bantuan termasuk kepada PKS dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM2.55 bilion."**

- DATUK Amar Awang Tengah Ali Hasan



"Antara bantuan khas yang diberikan kepada PKS adalah pengecualian bayaran yuran permit dan lesen perniagaan di bawah pihak berkuasa tempatan dan beberapa agensi perkhidmatan lain, penangguhan bayaran pembayaran selama enam bulan

serta pengecualian pembayaran kadar keuntungan bagi industri kecil dan sederhana dan mikro kredit Sarawak," katanya.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Terminal Perindustrian Dan Pembangu-

nan Usahawan Sarawak berkata, kerajaan negeri juga menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Sarawak yang bertujuan merencanakan dan memperkasakan pembangunan ekonomi dalam jangka panjang. - Bernama